



**ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG  
(ZAKAT MAINPP)**



**PIAGAM AUDIT DALAM  
ZAKAT MAINPP**

**Piagam Audit Dalam Zakat MAINPP ini telah  
diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit,  
Risiko dan Integriti As-Sahabah Urus Zakat Sdn.  
Bhd. (ASUZSB) Bil. 1/2025 bertarikh 16 April 2025.**



**AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD.**  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**PIAGAM AUDIT DALAM  
ZAKAT MAINPP**

<p>Disediakan Oleh :</p>  <p>..... <b>Nur Amirah Adilah binti Zulkifli</b> Eksekutif Unit Audit Dalam</p>	<p>Piagam Audit Dalam Zakat MAINPP ini diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti Bil. 1/2025 pada 16 April 2025.</p> <p><b>Dokumen ini disahkan oleh:</b></p>  <p>..... <b>(YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Hj. Abd Aziz bin Tajuddin)</b> Pengerusi Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZSB) Merangkap Timbalan Yang Dipertua, MAINPP</p>
<p><b>No. Keluaran : 1 Disember 2020</b></p>	<p><b>No. Pindaan/ Kemaskini : 1 April 2025</b></p>

*Dokumen ini adalah harta ASUZSB (Zakat MAINPP) dan ia mengandungi maklumat sulit yang tidak boleh disalin, dicetak atau dipinda dalam sebarang bentuk oleh mana-mana pihak ketiga tanpa sebarang kebenaran bertulis dari pihak pengurusan.  
Pihak ASUZSB (Zakat MAINPP) berhak menyekat segala maklumat yang ada tanpa segala alasan.  
DOKUMEN YANG DICETAK ADALAH DOKUMEN TIDAK TERKAWAL.*



**ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG  
(ZAKAT MAINPP)**

# **PIAGAM AUDIT DALAM ZAKAT MAINPP**

# KANDUNGAN

1.0	Pengenalan.....	2
2.0	Peranan.....	2
3.0	Etika Dan Profesionalisme.....	3
4.0	Kuasa.....	5
5.0	Organisasi.....	6
6.0	Badan Bebas Dan Berobjektif.....	6
7.0	Tanggungjawab.....	7
8.0	Rancangan Audit Tahunan.....	8
9.0	Pelaporan Dan Pemantauan.....	8
10.0	Penutup.....	9

## **1.0 PENGENALAN**

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan sebagai badan bebas, berobjektif dan menjalankan aktiviti pengauditan dan rundingan bagi penambahbaikan nilai dalam operasi dan pentadbiran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Zakat MAINPP). UAD membantu Zakat MAINPP mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dalaman dan tadbir urus.

## **2.0 PERANAN**

UAD merupakan unit yang memberikan perkhidmatan sokongan kepada Ahli Lembaga Pengarah (ALP), Jawatankuasa Audit, Risiko & Integriti (JARI) dan Pengurusan Atasan Zakat MAINPP (Pengurusan Zakat MAINPP). UAD membantu ALP, JARI dan Pengurusan Zakat MAINPP meningkatkan keberkesanan dengan lebih sempurna melalui kaedah berikut:

- i) Mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang menghalang pencapaian objektif Zakat MAINPP;
- ii) Mengenal pasti pelaksanaan kawalan dalaman serta mencadangkan penambahbaikan dari semasa ke semasa;
- iii) Mencadangkan nilai tambah ke atas sesuatu proses atau fungsi dengan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan proses kerja dan fungsi secara menyeluruh; dan
- iv) Memastikan arahan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi.

### 3.0 ETIKA DAN PROFESIONALISME

UAD menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada:

- i) Garis panduan yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM) termasuk definisi Audit Dalam, Kod Etika dan Piawaian *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing (Standards)*;
- ii) Piawaian-piawaian, garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Zakat MAINPP;
- iii) Garis Panduan Pengauditan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara;
- iv) Manual Audit Dalam yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan; dan
- v) Piawaian-piawaian atau garis panduan daripada badan-badan professional lain yang diiktiraf.

Kod Etika Juruaudit Dalam adalah seperti berikut:

#### 1. Integriti

Juruaudit Dalam:

- 1.1 Perlu melaksanakan tugas mereka dengan jujur, tekun dan bertanggungjawab.
- 1.2 Perlu mematuhi undang-undang dan membuat pendedahan sebagaimana dikehendaki undang-undang dan profesion.
- 1.3 Tidak boleh dengan sengaja, terlibat dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang, atau melakukan perbuatan yang mencemar profesion audit dalaman atau organisasi.
- 1.4 Perlu menghormati dan menyumbang kepada objektif sah dan beretika organisasi.

## 2. Kebebasan atau Keobjektifan

### Juruaudit Dalam:

- 2.1 Tidak boleh terlibat dalam aktiviti atau hubungan yang boleh menjejaskan atau dianggap menjejaskan penilaian saksama mereka. Penglibatan ini termasuklah aktiviti atau hubungan yang mungkin bercanggah dengan kepentingan organisasi.
- 2.2 Tidak boleh menerima apa-apa yang boleh menjejaskan atau dianggap menjejaskan keputusan profesional mereka.
- 2.3 Perlu mendedahkan semua fakta material yang diketahui, yang mana jika tidak didedahkan boleh mengubah pelaporan bagi aktiviti yang dikaji.

## 3. Kerahsiaan

### Juruaudit Dalam:

- 3.1 Perlu berhemah dalam mengguna dan melindungi maklumat yang diperoleh semasa menjalankan tugas.
- 3.2 Tidak boleh mengguna maklumat untuk keuntungan peribadi atau dengan cara yang menyalahi undang-undang atau menjejaskan objektif sah dan beretika organisasi.

## 4. Kecekapan

### Juruaudit Dalam:

- 4.1 Perlu melibatkan diri hanya dalam perkhidmatan yang mana mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman.
- 4.2 Perlu melaksanakan perkhidmatan audit dalaman selaras dengan Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman (*International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing*).
- 4.3 Perlu meningkatkan kemahiran dan keberkesanan serta mutu perkhidmatan secara berterusan.

#### 4.0 KUASA

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, Juruaudit Dalam diberi kuasa penuh melalui polisi dan arahan ALP, JARI dan Pengurusan Zakat MAINPP untuk membolehkannya;

- i) Menemui mana-mana pegawai/ kakitangan Zakat MAINPP/ agensi luar yang menguruskan wang zakat di semua peringkat untuk mendapatkan keterangan atau maklumat yang diperlukan;
- ii) Memeriksa dan mendapatkan apa juga salinan dari buku, dokumen, rekod, minit mesyuarat dan lain-lain bentuk sumber maklumat mana-mana Jabatan/ Bahagian di Zakat MAINPP/ agensi luar yang menguruskan wang zakat;
- iii) Memeriksa semua rekod, buku, minit mesyuarat, dokumen, wang tunai, barang-barang dan lain-lain harta atau aset Zakat MAINPP yang tertakluk kepada audit;
- iv) Menyemak dan menilai dasar, rancangan, peraturan dan rekod Zakat MAINPP/ agensi luar yang menguruskan wang zakat; dan
- v) Mendapatkan nasihat daripada mana-mana pegawai/ kakitangan Zakat MAINPP atau daripada mana-mana pegawai/ kakitangan di dalam perkhidmatan kerajaan atau badan profesional mengenai isu-isu yang berkaitan.

Juruaudit Dalam bertanggungjawab untuk memastikan semua maklumat yang diperolehi dikendalikan dengan penuh berhemah, kerahsiaan, jujur dan telus seperti yang digariskan dalam kod etika profesional Audit Dalam. UAD bertanggungjawab memastikan segala maklumat disimpan dengan baik dan mematuhi peraturan serta prosedur berkenaan penyimpanan maklumat yang diterima pakai di Zakat MAINPP.

## **5.0 ORGANISASI**

Ketua Unit Audit Dalam (Ketua UAD) bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) untuk hal-hal pentadbiran seperti sumber manusia dan kewangan. Bagi pelaporan fungsi pengauditan, Ketua UAD bertanggungjawab melaporkannya secara terus kepada JARI melalui Mesyuarat JARI yang dikendalikan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi membentangkan laporan audit yang telah dikeluarkan. JARI akan membincangkan perkara-perkara yang dibentangkan dan memperakukan tindakan yang perlu sebelum melaporkan kepada ALP. Selain itu, Ketua UAD juga boleh menghubungi dan merujuk kepada ahli-ahli JARI dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Pelantikan, pemecatan dan penilaian prestasi tahunan Ketua UAD adalah tertakluk kepada polisi yang diterima pakai oleh Zakat MAINPP. Penilaian prestasi tahunan Ketua UAD akan dibuat oleh KPE sebanyak 100%.

Pelantikan kakitangan UAD adalah mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Zakat MAINPP. Segala hal-hal berkaitan penggajian kakitangan, kemudahan, imbuhan dan sebagainya adalah mengikut garis panduan yang digunapakai oleh Zakat MAINPP.

## **6.0 BADAN BEBAS DAN BEROBJEKTIF**

Aktiviti UAD akan kekal bebas daripada campur tangan Pengurusan Zakat MAINPP termasuklah hal-hal yang melibatkan pemilihan tajuk auditan, kandungan auditan, skop auditan, prosedur auditan, kekerapan pengauditan, masa auditan atau sebarang kandungan laporan yang membenarkan UAD bertindak secara bebas dan berobjektif.

UAD tidak terlibat secara langsung mahupun berkuasa ke atas operasi atau mana-mana aktiviti bagi perkara yang telah diaudit. Oleh yang demikian, UAD tidak akan terlibat dalam melaksanakan kawalan dalaman, penggubalan prosedur, pembangunan sistem,

penyediaan rekod atau sebarang penglibatan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan Juruaudit Dalam di masa akan datang.

Juruaudit Dalam perlu menunjukkan tahap profesional yang paling tinggi dan berobjektif dalam mengumpul, menilai dan menyampaikan maklumat berkaitan pengauditan yang sedang dijalankan dan diperiksa. Juruaudit Dalam perlu membuat penilaian yang seimbang bagi semua keadaan yang berkaitan dan tidak dipengaruhi oleh kepentingan sendiri atau orang lain dalam membuat pertimbangan.

## **7.0 TANGGUNGJAWAB**

Tanggungjawab UAD adalah untuk melaksanakan Audit Pengurusan dan Kewangan, Audit Terimaan Zakat dan Audit Agihan Zakat dan lain-lain tugas pentadbiran. Bidang Tugas UAD adalah merangkumi perkara-perkara berikut.

- i) Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;
- ii) Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan pengurusan yang berkuat kuasa;
- iii) Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan;
- iv) Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- v) Melaporkan kepada JARI hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;
- vi) Menyediakan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam untuk kelulusan JARI;
- vii) Membentangkan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JARI; dan

viii) Membentangkan laporan daripada Jabatan Audit Negara (sekiranya ada) atau Laporan Audit Luar di dalam Mesyuarat JARI bagi membincangkan hasil penemuan audit.

## **8.0 RANCANGAN AUDIT TAHUNAN**

Ketua UAD akan mengemukakan Rancangan Audit Tahunan kepada JARI sekali (1) kali setahun untuk semakan dan kelulusan. Rancangan Audit Tahunan merangkumi tajuk pengauditan, jadual kerja audit serta keperluan bajet dan sumber bagi tahun berikutnya. Ketua UAD akan memaklumkan sebarang batasan sumber, perubahan pengauditan dan kesan-kesannya kepada JARI.

Rancangan Audit Tahunan disediakan berdasarkan keutamaan yang menggunakan kaedah berasaskan risiko. Rancangan Audit Tahunan juga mengambil kira cadangan atau permintaan daripada JARI dan Pengurusan Zakat MAINPP. Sebarang perubahan ke atas Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan akan dimaklumkan kepada JARI melalui laporan aktiviti secara berkala.

## **9.0 PELAPORAN DAN PEMANTAUAN**

Satu laporan bertulis akan disediakan dan dikeluarkan oleh Ketua UAD atau wakil yang dilantik setelah berakhirnya proses pengauditan dan diagihkan mengikut kesesuaian. Keputusan atau cadangan yang dikeluarkan oleh UAD akan dimaklumkan kepada JARI.

Laporan audit yang dikeluarkan termasuklah maklum balas daripada pihak yang diaudit dan tindakan yang telah diambil dan akan diambil bagi penemuan-penemuan audit dan cadangan-cadangan khusus yang dinyatakan oleh UAD.

UAD bertanggungjawab menjalankan susulan ke atas penemuan dan cadangan yang dinyatakan seperti mana yang dipersetujui. Penemuan-penemuan penting akan kekal sebagai isu terbuka sehingga ianya diselesaikan.

## **10.0 PENUTUP**

Piagam Audit Dalam Zakat MAINPP perlu dibentangkan dan disemak semula kepada Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti apabila terdapat keperluan bagi menerangkan fungsi bebas dan kuasa Unit Audit Dalam dalam menjalankan tanggungjawabnya.